



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KUPASAN MUTU JAWAPAN

BAHASA MELAYU I
1103/1

S P M
2 0 1 6

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod : 1103/1
Bentuk Ujian : Ujian Subjektif
Markah : 130
Masa : 2 jam 15 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Mempunyai dua bahagian:

Bahagian A : Penulisan berdasarkan bahan rangsangan – 30 markah.
Kepanjangan : 200 – 250 patah perkataan.

Bahagian B : Penulisan satu daripada lima tajuk pilihan – 100 markah.
Kepanjangan : Melebihi 350 patah perkataan.


PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A


Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada ciri-ciri sekolah selamat.

Huraikan pendapat anda tentang **ciri-ciri sekolah selamat**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

CIRI-CIRI SEKOLAH SELAMAT



Khidmat Pengawal Keselamatan



Alat Pemadam Api



Papan Tanda Amaran

Calon perlu menghuraikan ciri-ciri sekolah selamat. Ciri-ciri tersebut berdasarkan maklumat yang diberikan dalam soalan, iaitu khidmat pengawal keselamatan, alat pemadam api dan papan tanda amaran. Ketiga-tiga idea tersebut perlu dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.

Contoh jawapan

Pada era atom ini, masyarakat alat baru sering dipapari dengan isu keselamatan para pelajar di sekolah masing-masing. Jika diteliti dari sudut yang tertentu, sesetengah sekolah masih belum mencapai tahap keselamatan yang sempurna dan kondusif bagi menjamin keadaan pelajar mahupun warga sekolah yang lain. Perkara ini jika dibiarkan berterusan mampu mengundang kematian seterusnya mencalarakan imej institusi pendidikan kita. Pihak sekolah sepatutnya berpegang kepada prinsip sediakan payung sebelum hujan dalam menghadapi situasi-situasi yang tidak disangka kerana malang tidak berbau. Menyedari hakikat tersebut, pihak sekolah perlulah menepati ciri-ciri sekolah selamat dalam melestarikan kecemerlangan dan memastikan keselamatan pelajar terjamin.

Aspek perdana yang perlu ada dalam sesebuah sekolah termasuklah menggunakan khidmat pegawai keselamatan. Aspek ini bermaksud seorang pegawai keselamatan haruslah bersikap cekap dan amarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memantau orang yang keluar masuk dari pagar sekolah. Sebagai analoginya, pegawai keselamatan mestilah menyediakan sebuku kelod pelawat yang ingin masuk ke kawasan sekolah. Tambahan dari aspek tersebut, pegawai keselamatan boleh melakukan rondaan di sekitar sekolah bagi melaporkan keadaan setakat kepada guru dan memastikan tiada pelajar yang ponteng. Impak positif yang terag lagi berasal daripada aspek ini ialah orang luar tidak akan memasuki kawasan sekolah sesuka hati.

dan tindakan lain sesetengah pelajar juga dapat dikawal selaras dengan makand peribahasa sambil menyelam, minum air. Tuntasnya, perkhidmatan pengawal keselamatan merupakan ciri penting kepada ~~menjamin keselamatan~~ pelajar di sekolah sekolah yang selamat kepada pelajar.

Sebagai akhir bicara, dapatlah dimuskan bahawa sebuah sekolah yang berprestij tinggi bukanlah semata-mata bergantung kepada pencapaian akademik dan kokurikulumnya malah kepada tahap keselamatannya juga. Sekolah sepatutnya merealisasikan impian luhur negara.

Tugasan

Calon menjawab tugasan soalan dengan tepat. Ciri-ciri sekolah selamat dapat dihuraikan dengan terperinci. Ciri - ciri tersebut berdasarkan maklumat yang diberikan dalam soalan, iaitu kepentingan khidmat pengawal keselamatan, alat pemadam api dan papan tanda amaran. Contohnya, pengawal keselamatan mestilah cekap dan amanah selain menyediakan buku rekod pelawat yang ingin masuk ke kawasan sekolah. Di sini calon telah berjaya menghuraikan dengan jelas tentang kepentingan peranan pengawal keselamatan dalam menjaga keselamatan sekolah dan warganya.

Idea

Ketiga-tiga idea iaitu khidmat pengawal keselamatan, alat pemadam api dan papan tanda amaran telah dihuraikan dengan jelas dan matang serta contoh yang sesuai. Sebagai contoh, calon menegaskan bahawa pengawal keselamatan perlu melakukan rondaan di sekitar kawasan sekolah bagi memastikan tiada pelajar yang ponteng.

Bahasa

Calon menulis dengan menggunakan pelbagai ayat yang gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat di samping unsur bahasa yang bervariasi. Calon juga dapat menggunakan ungkapan yang menarik dan tepat penggunaannya. Contohnya, calon menggunakan peribahasa seperti sudah terang lagi bersuluh, sediakan payung sebelum hujan dan sambil menyelam minum air. Penggunaan peribahasa betul dan tepat selaras dengan kehendak soalan.

Pengolahan

Calon mengolah idea dengan menarik dan berkesan. Pemerenggan seimbang dan menimbulkan kesan yang bermakna kepada pembaca. Calon dapat mengolah wacana dengan mengemukakan idea yang tersusun dan perenggan disusun dengan sesuai. Di bahagian pengenalan, calon mengolah isu dengan tepat dan telah memaparkan kepentingan sekolah menepati ciri-ciri sekolah selamat dalam melestarikan kecemerlangan dan memastikan keselamatan pelajar terjamin. Perenggan isi diuraikan dengan idea yang relevan dan jelas. Sementara perenggan penutup dibuat kesimpulan keseluruhan tugas dan harapan yang jelas dan menarik serta memberi kesan.

Bahagian B

Soalan 1

Sempena Minggu Keselamatan Jalan Raya peringkat sekolah, anda selaku pengerusi kelab telah diminta untuk memberi ceramah dalam perhimpunan sekolah. Tajuk ceramah ialah 'Cara-cara Mengurangkan Risiko Kemalangan Jalan Raya dalam Kalangan Murid'.

Calon dapat menulis karangan berformat ceramah tentang cara-cara mengurangkan risiko kemalangan jalan raya dalam kalangan murid sempena Minggu Keselamatan Jalan Raya peringkat sekolah.

Contoh jawapan

Pucuk mengkudu daun pegaga,
Pucuk muda dihujung dahan,
Assalamu'alaikum pembuka bicara;
Salam muhibah saya hulurkan.

Sejambak kasih seharum kasturi budt tuan nakhoda kapal. Yang dihormati, Tuan Pengetua, Encik Mohd Ali bin Rosli yang segar lagi berdedikasi. Dif-dif kehormat berkarisma, guru-guru ~~seter~~ seterusnya para pelajar yang berbahagia. Pada pagi yang indah disinari mentari ini, saya selaku pengerusi Kelab Keselamatan Jalan Raya akan menyampaikan ceramah kepada hadirin sempena Minggu Keselamatan Jalan Raya.

Anak kedidi terbangnya rendah,
Hinggap sebentar di Tanjung Bidara,
Izinkan saya menyampaikan wadai;
Cara-cara Mengurangkan Risiko Kemalangan
Jalan ^{dalam kalangan Muzid}
jalan Raya fajuk bicara.

Terpampang di dada-dada akhbar akan berita kemalangan jalan raya yang semakin serius dan membarah ^{di} ~~di~~ negara kita pada setiap tahun. Berita beberapa bulan yang lalu berkaitan dengan seorang muzid yang dilanggar oleh kenderaan di hadapan sekolahnya sendiri kerana tidak menggunakan lintasan zebra. Sewaktu saya membaca berita tersebut, atnaku menangis dalam sepi kerana umumnya yang baru sahaja setahun jagung, darah setampuk pinang sudah dijemput Ilahi. Persoalan yang kerap berlegar di benak fikiran ketika itu ialah ^{siapakah} ~~siapa~~ yang harus bertanggungjawab?

Mengapakah masih belum ada tindakan segera di ambil?
Bagaimanakah cara mengurangkan risiko kemalangan jalan
raya dalam kalangan murid? Semuanya bermula dengan
diri kita sendiri dan kerana itulah saya akan berkongsi
cara-cara mengurangkan risiko kemalangan jalan raya
dalam kalangan murid.

Menjadi obligasi dominan buat diri kita untuk
mematuhi undang-undang jalan raya yang telah
dilaksanakan di seluruh negeri secara holistik dan
efektif. Kepada rakan rakan yang disayangi, ^{kepada mereka} yang
menaiki motosikal, sedikit nasihat diri ini ingin titipkan.
Pandu kenderaan mengikut had laju yang ditetapkan dan
pastikan anda memakai topi keledar yang memenuhi spesifikasi
ditetapkan Kementerian Pengangkutan ^{kerana di mana} ~~kepada~~ ~~pejabat~~ bumi
dipijak, di situ langit kita junjung. Menurut ^{kenyataan} ~~statistik~~ yang
dikemukakan ja Jabatan Perangkaan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia
kebanyakkan kemalangan jalan raya yang berlaku dan menyebabkan
kematian adalah disebabkan pemanduan melebihi had laju dan
penunggang dan pembonceng tidak memakai topi keledar. ^{Rakan-rakan} ~~Penumpang~~
yang pergi ke sekolah mahupun ke tempat lain bersama ayah
dan bonda diingatkan untuk memakai tali pinggang keselamatan.
Tuntasnya, risiko kemalangan jalan raya dalam kalangan murid
akan dapat dikurangkan kerana undang-undang ^{jalan raya} dipatuhi dan ditaati.

Akhirkalam, saya berharap, rakan-rakan saya akan mengambil nasihat tersebut dan mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari dan menjadikannya norma serta etos masyarakat kini. Saya dan ~~ketika~~^{anda semua} merupakan pemangkin kepada kemajuan, pembangunan dan kepimpinan masa hadapan. Bersama kita kecapai aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan murid yang berketrampilan bersihsiah, berilmu dan sejahtera berlandaskan falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu membentuk kemenjadian murid dari perspektif jasmani, emosi, rohani dan intelek. Saya yakin dan percaya, risiko kemalangan jalan raya akan dapat dikurangkan kerana kita akan mengambil langkah sederhana dan cukup pragmatik untuk kita atasinya.

Tugasan

Jawapan calon menepati tugasan yang diberikan. Calon dapat menyampaikan ceramah tentang cara-cara mengurangkan risiko kemalangan jalan raya dalam kalangan murid sempena Minggu Keselamatan Jalan Raya peringkat sekolah. Calon menunjukkan pengetahuan yang luas dalam isu ini seperti anggota masyarakat perlu mematuhi undang-undang jalan raya yang telah dilaksanakan di seluruh negara secara holistik dan efektif.

Idea

Idea dihuraikan dengan jelas dan disertakan dengan contoh yang sesuai. Calon dapat menjawab tugasan yang diberikan dengan mengemukakan idea yang bersesuaian dengan soalan dan berjaya dikaitkan mengikut stimulus soalan, iaitu cara-cara mengurangkan risiko kemalangan jalan raya dalam kalangan murid.

Antara idea yang dikemukakan adalah seperti berikut :

- Melihat ke kiri dan ke kanan ketika melintas jalan raya
- Menggunakan jejantas semasa melintas jalan raya
- Memiliki lesen memandu sebelum menunggang motosikal
- Tidak menggunakan alat komunikasi semasa mengendalikan kenderaan

Bahasa

Calon menulis karangan menggunakan pelbagai ayat yang gramatis dan kosa kata luas dan tepat. Unsur bahasa bervariasi dan laras bahasa yang digunakan sesuai dengan tugas. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan dan penggunaan ungkapan yang menarik. Contohnya calon telah memasukkan dua rangkap pantun di bahagian pengenalan dan menggunakan laras yang sesuai untuk karangan ceramah seperti kepada rakan taulan yang disayangi, pandu kenderaan mengikut had laju yang ditetapkan dan pastikan anda memakai topi keledar yang memenuhi spesifikasi ditetapkan Kementerian Pengangkutan.

Pengolahan

Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan seimbang. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea. Perenggan pengenalan diolah dengan isu dan kehendak tugas dengan tepat dengan menyatakan cara-cara mengurangkan risiko kemalangan jalan raya dengan berfokus kepada murid. Perenggan isi diuraikan dengan idea yang relevan dan jelas. Sementara perenggan penutup membuat kesimpulan keseluruhan tugas dengan cara yang menarik dan memberi kesan kepada pembaca.

Soalan 2

Remaja kini terdedah kepada pelbagai cabaran hidup akibat pengaruh rakan sebaya, media massa dan budaya Barat.

Huraikan peranan ahli keluarga dalam membantu para remaja menghadapi cabaran-cabaran tersebut.

Calon perlu menjelaskan peranan ahli keluarga dalam membantu para remaja menghadapi pelbagai cabaran hidup akibat pengaruh rakan sebaya, media massa dan budaya Barat.

Contoh jawapan

Dalam menghadapi arus modernisasi tanpa limitasi ini, pelbagai cabaran hidup yang perlu diharungi oleh setiap strata masyarakat. Golongan remaja pastinya difokuskan ~~dalam~~ ^{mempunyai} ~~hati~~ ^{golongan} kerana mereka ^{mempunyai} golongan majoriti yang mendiami planet Bumi ini. 'Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara'. Begitulah slogan yang ~~ini~~ ^{kini} menjadi ^{utama} tunjang kepada kemajuan peradaban negara. Hal ini jelas menunjuk kepada golongan remaja di mana mereka memainkan peranan yang amat besar dalam memastikan kejayaan Malaysia terus memacu ke hadapan. Namun, apa yang menyayat hati adalah apabila golongan remaja diperhatikan amat mudah tewas dengan cabaran dunia. Kebobrokan atlet golongan remaja yang kian jelas semakin memuncakkan keridahan semua pihak. Oleh itu, ahli keluarga perlulah sedar dan membuka mata bahawa terdapat satu tanggungjawab yang besar di pundak mereka dalam membantu para remaja yang kian terjerumus dalam lembah kegelapan.

Seperkava yang tidak kurang penting juga, media massa kini semakin banyak berkembang dan maju ke hadapan. Media sosial terutamanya merupakan medium canggih yang majoritinya digunakan oleh golongan remaja. Hal ini kerana, mereka lebih pintar dan bijak dalam mengakses aplikasi-aplikasi seperti ini. Sebagai tamillah, ~~semua~~ remaja pastinya mempunyai aplikasi media sosial seperti 'Facebook', 'Twitter', 'Tutor', 'Instagram' dan 'Whatsapp' di dalam telefon pintar mereka. Oleh itu, banyak masa yang telah dihabiskan oleh mereka dengan menatap skrin bercahaya dari pagi hingga ke petang. Masyarakat Melayu lazim dengan peribahasa, masa itu emas. Bertitik tolak dari itu, ahli keluarga perlulah memainkan peranan masing-masing dalam menasihati remaja agar tidak menisiatikan waktu yang ada. Ahli keluarga seperti abang dan kakak sewajarnya berusaha bagai air mencari jenisnya bagi memastikan adik-beradik mereka agar tidak laai te dan leka dengan media massa. Buang yang keruh, ambil yang jernih. Media massa hakikatnya menyediakan kita dengan pelbagai masalah. Namun, jika tersilap langkah, media massa berupaya menyajikan kita dengan seribu mafsadah. Oleh itu, ahli keluarga mestilah tidak mengambil enteng dalam tugas mereka menasihati para remaja agar tidak terpengaruh dengan media massa.

Nahjalnya, terdapat pelbagai peranan yang perlu digalas oleh ahli keluarga dalam memastikan para remaja mempunyai kekuatan mental dan fizikal dalam menghadapi cabaran hidup yang mendatang. Ingatlah bahawa kemajuan negara pada masa hadapan ditentukan oleh golongan remaja pada masa kini. Inspirasi daripada kata-kata George Washington Carver, "99 peratus kegagalan datangnya daripada mereka yang suka memberi alasan." Kata-kata beliau jelas mengingatkan bahawa tiada alasan yang wajar diberi oleh masyarakat terutamanya ahli keluarga dalam membantu golongan remaja mengatasi rintangan-rintangan dalam kehidupan mereka. Di saat getir seperti ini, ahli keluarga tidak wajar bersikap bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Golongan remaja tidak kuat dan mudah goyah untuk mengawal langkah dalam kehidupan mereka. Ahli keluarga yang mendapatkan darah daging mereka sendiri merupakan insan yang paling penting untuk berada di sisi mereka dalam membantu mereka membuat keputusan yang tepat yang menjanjikan kecemerlangan hidup mereka.

Tugasan

Jawapan calon menepati tugasan. Calon dapat mengemukakan idea yang relevan dan menjelaskan peranan ahli keluarga seperti ibu bapa, abang atau kakak dan datuk dalam membantu para remaja menghadapi cabaran-cabaran dengan matang. Calon juga dapat mengaitkan peranan ahli keluarga dengan cabaran hidup yang dihadapi akibat pengaruh rakan sebaya, media massa dan budaya barat. Antara idea yang dikemukakan seperti yang berikut:

- Peranan ibu bapa memantau pergaulan anak-anak dalam menghadapi cabaran daripada terpengaruh dengan rakan sebaya.
- Peranan abang dan kakak dalam menasihati adik-beradik agar tidak leka serta lalai dengan media sosial.

- Peranan ibu bapa dalam menerapkan nilai-nilai agama dan unsur-unsur kerohanian bagi membendung pengaruh budaya barat.
- Peranan ibu bapa dalam merancang pelbagai aktiviti untuk mengelakkan remaja terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral.

Idea

Idea yang dikemukakan relevan mengikut tugas soalannya. Calon dapat menghuraikan peranan ahli keluarga seperti ibu bapa, adik beradik, datuk dan nenek dalam membantu para remaja menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Malah calon juga dapat memberi contoh-contoh yang jelas dan matang seperti pergaulan bebas bagi pengaruh rakan sebaya.

Bahasa

Calon dapat menghasilkan karangan yang menggunakan bahasa yang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan pelbagai kata dan kosa kata yang luas dan tepat sesuai dengan tugas soalannya. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik, iaitu masa itu emas dan buang yang keruh, ambil yang jernih.

Pengolahan

Pengolahan karangan sangat menarik dan berkesan. Antaranya calon dapat menyatakan peranan ibu bapa dalam membantu para remaja menghadapi cabaran hidup akibat pengaruh media massa masa ini seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Whatsapp. Aspek wacana karangan calon lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan pendahuluan, isi - isi dan penutup.

Soalan 3

Sikap kurang prihatin terhadap alam sekitar telah menyebabkan berlakunya banjir yang membawa pelbagai kesusahan kepada banyak pihak.

Berikan komen anda.

Calon dapat memberikan komen tentang sikap kurang prihatin terhadap alam sekitar telah menyebabkan berlakunya banjir yang membawa pelbagai kesusahan kepada banyak pihak.

Contoh jawapan

Dalam meniti kehidupan yang moden dan pesat membangun ini, masyarakat sibuk mengejar kemajuan dunia untuk mencapai kehidupan yang sejalesa kerana desakan arua permodenan sehingga mereka lupa akan tanggungjawab mereka terhadap alam sekitar. Kesibukan manusia ini telah melahirkan sikap kurang prihatin terhadap alam sekitar kerana tidak mempunyai masa dan fikiran untuk memikirkan alam. Bencana alam yang seringkali kita lihat dalam media massa seperti banjir dan tanah runtuh telah mengakibatkan kesusahan kepada pelbagai pihak. Maka di sini saya akan menyatakan komen tentang sikap kurang prihatin terhadap alam sekitar telah menyebabkan berlakunya banjir yang membawa pelbagai kesusahan kepada pelbagai pihak.

Tugasan

Calon menjawab tugas dengan tepat. Karangan calon dapat menepati tugas di samping mempunyai idea yang jelas dan contoh yang sesuai. Calon berjaya menghuraikan sikap prihatin pelbagai pihak terhadap alam sekitar yang menyebabkan banjir seperti membuang sampah ke dalam longkang. Calon juga menyatakan jenis kesusahan yang dihadapi oleh pelbagai pihak seperti kerosakan harta benda dan kenderaan yang rosak akibat banjir.

Idea

Calon telah menggunakan pelbagai wacana yang lengkap dalam karangannya di samping terdapat kesinambungan idea yang menampakkan kematangan calon dalam menyusun idea karangan itu. Idea karangan calon mengenai kesan banjir yang menyebabkan berlakunya pelbagai kesusahan kepada banyak pihak diuraikan dengan jelas. Contoh yang dikemukakan oleh calon berkaitan dengan pelbagai kesusahan seperti kerosakan harta benda adalah sesuai dan tepat. Pada akhir perenggan isi calon membuat penegasan dengan jelas bagi mengukuhkan isi yang dibincangkan.

Bahasa

Dari segi bahasa, calon menggunakan pelbagai ayat yang gramatis. Kosakata yang digunakan luas dan tepat. Penggunaan unsur bahasa bervariasi. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari segi keindahan dan penggunaan ungkapan yang menarik dan tepat. Antara ungkapan menarik yang digunakan adalah seperti sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.

Pengolahan

Calon dapat mengolah karangan dengan menarik dan berkesan. Pemerenggan sesuai dan mempunyai kesinambungan idea antara perenggan serta jelas. Perenggan pendahuluan diolah dengan beberapa isu berkaitan dengan tajuk dan menyatakan komen tentang sikap kurang prihatin terhadap alam sekitar. Manakala perenggan isi diolah dengan menarik dan berkesan.

Soalan 4

Tahap kesedaran masyarakat tentang penyakit berbahaya yang mengancam nyawa manusia seperti barah dan demam denggi masih rendah. Bincangkan.

Calon boleh kemukakan pandangan sama ada bersetuju dengan pernyataan bahawa tahap kesedaran tentang penyakit berbahaya seperti barah dan demam denggi masih rendah atau sebaliknya. Contoh penyakit berbahaya boleh diambil daripada pernyataan soalan atau boleh ditambah dengan contoh yang lain juga.

Contoh jawapan

Memang tidak dapat dinafikan dan disangkal lagi iaitu pada era globalisasi lagi meluas ini, masyarakat sering membicarakan tentang isu berkaitan penyakit berbahaya. Isu ini sering menjadi topik perbincangan dan tumpuan kerana penyakit berbahaya ini memang terseleh mengancam nyawa manusia. Bahkan isu ini sudah menjadi sisipan berita dalam media massa sama ada di media elektronik atau media cetak di negara kita. Tetapi juga ada menyatakan meletak lebih baik dan pada mengubati perlu menjadi pedoman dalam kehidupan kita. Persoalannya, mengapakah kesedaran masyarakat tentang penyakit berbahaya yang mengancam nyawa manusia masih rendah? Mungkin lah penjelasan dan huraiannya yang akan dikupas dengan lebih terperinci lagi mendalam dalam perenggan-perenggan seterusnya.

Idea perdana yang ingin saya sampaikan dan ketengahkan dalam hal yang berkaitan dengan kesedaran masyarakat tentang penyakit berbahaya yang mengancam nyawa masih rendah ialah kerana masyarakat mengambil sikap tidak peduli berkenaan. Hal ini disebabkan sedemikian kerana masyarakat menganggap perkara tersebut tidak penting dalam kehidupan mereka. Contoh yang boleh dikemukakan dan dipaparkan dalam perkara ini ialah seperti, masyarakat lebih gemar memupulkan perhatian terhadap kejaya mereka sehingga alpa bagi

mewujudkan proselitran rumah yang bersih bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes yang memungkitkan dihidanggi penyakit demam denggi. Selain itu, masyarakat juga tidak langsung mengambil pengajaran daripada berita-berita tentang penyakit demam denggi yang banyak disiarkan melalui media masa umpama berita yang didegar seladar masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Amat terang dan jelaslah di sini memupulkan bahawa kesedaran masyarakat tentang penyakit berbahaya yang mengancam nyawa masih rendah lantaran sikap media yang tidak mengambil peduli mengenai ancaman penyakit berbahaya tersebut

Secara keseluruhan dan umumnya
dapatlah dibuat kesimpulan di sini bahawa
terdapat pelbagai punca yang menyebabkan
kesedaran masyarakat tentang penyakit ber-
bahaya yang mengancam nyawa masih rendah.
Adalah menjadi harapan semua pihak bahawa
masyarakat awam wajar memberi perhatian
terhadap isu yang berkaitan dengan penyakit
berbahaya ini. Dapatkan lagi yang paling
berhala menangani isu ini, jika tidak masyarakat
sah itu sendiri. Tepuk dada tangalah selera.
Semoga masyarakat sebasa mengamalkan
budaya hidup sihat. Akhir kata daripada
tinta ini, "cegahlah penyakit berbahaya,
pasti hidup kita bergaya".

Tugasan

Calon dapat menjawab tugasan yang diberikan dengan mengemukakan idea yang bersesuaian dengan soalan dan berjaya dikaitkan mengikut stimulus soalan, iaitu tahap kesedaran masyarakat yang rendah tentang penyakit-penyakit berbahaya yang boleh mengancam nyawa manusia.

Idea

Calon juga telah mengemukakan idea yang relevan dengan tugasan yang diberikan. Idea berjaya dihuraikan dengan jelas disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai. Hal ini dikukuhkan lagi dengan menghubungkan punca tahap kesedaran tentang penyakit berbahaya masih rendah kerana masyarakat lebih mementingkan perkara-perkara lain seperti lebih mengutamakan kerjaya dalam kehidupan mereka sehingga lupa untuk membersihkan kawasan rumah bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes. Sementara contoh penyakit berbahaya seperti penyakit denggi juga dihuraikan oleh calon dengan jelas hasil ketidakpedulian masyarakat tentang alam sekitar di kawasan rumah mereka. Pada akhir perenggan isi calon telah membuat penegasan bagi mengukuhkan lagi pandangan yang disampaikan.

Bahasa

Calon dapat menulis dengan bahasa yang gramatis. Pelbagai jenis kata yang tepat digunakan di samping kosa kata luas dan bersesuaian dengan konteks ayat. Antara kosa kata luas lagi menarik yang dikemukakan adalah seperti era globalisasi, idea perdana dan budaya hidup sihat. Hanya sedikit sahaja kesalahan ringan yang dilakukan oleh calon. Gaya bahasa yang digunakan menarik dan bervariasi. Banyak penggunaan ungkapan menarik seperti peribahasa dan frasa. Antara ungkapan menarik yang dikemukakan adalah seperti mencegah lebih daripada mengubati dan masuk telinga kanan keluar telinga kiri.

Pengolahan

Pengolahan yang dikemukakan oleh calon adalah menarik dan berkesan. Calon dapat mengolah wacana dengan mengemukakan idea yang tersusun dengan pemerenggan yang sesuai. Perenggan pengenalan diolah dengan isu dan kehendak tugas dengan tepat dengan sikap kurang prihatin masyarakat tentang penyakit berbahaya yang masih rendah. Perenggan isi diuraikan dengan idea yang relevan dan jelas. Sementara perenggan penutup dibuat kesimpulan keseluruhan tugas dan harapan yang jelas yang menarik dan memberi kesan.

Soalan 5

Golongan sasterawan banyak memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara melalui karya yang dihasilkan, khususnya dalam pemupukan nilai-nilai murni. Sumbangan para sasterawan ini wajar dihargai.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara menghargai sumbangan golongan sasterawan di negara kita.

Calon dikehendaki mengemukakan cadangan-cadangan berkaitan dengan cara-cara yang boleh dilaksanakan oleh pihak-pihak tertentu bagi menghargai sumbangan golongan sasterawan di negara kita.

Contoh jawapan

Jebut sahaja rangkaian kata "golongan sasterawan" tentulah terbayang dalam kotak minda kita bahawa mereka ialah golongan yang bijak menukilkan kata-kata dalam pelbagai karya sastera. Begitulah hebatnya sumbangan mereka khususnya dalam memperkayakan dan mempertingkatkan/legasi pengguraian bahan-bahan sastera masih relevan digunakan oleh masyarakat di negara kita. Karya-karya mereka bukan sekadar dipasarkan di pasaran terbuka tetapi juga banyak digunakan sebagai bahan pembelajaran sama ada di sekolah-sekolah mahupun di institusi-institusi pengajian tinggi. Bahkan karya sastera banyak menyumbangkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat. Persoalannya bagaimanakah cara-cara yang dapat pelbagai pihak lakukan untuk menghargai sumbangan sasterawan di negara kita? Terdulah banyak caranya untuk menghargai jasa mereka.

Antara cara yang boleh dipraktikkan bagi menghargai sumbangan golongan Sasparawan di negara kita ialah masyarakat hendaklah sentiasa terbuka hati dan berminat untuk membeli hasil karya mereka. Hal ini memang wajar dilakukan disebabkan kerana melalui cara ini dapat membantu melancarkan jualan hasil karya mereka. Contoh yang boleh dikemukakan melalui kaedah ini adalah sekiranya mereka menulis novel dan menjualnya di pasaran, masyarakat pula hendaklah membelinya walaupun dengan harga yang agak mahal bagi menunjukkan sokongan penuh kepada hasil karya mereka. Inpaknya sudah pasti ialah Sasparawan di negara kita akan disuntik motivasi

untuk menulis karya yang lebih berminat. Oleh hal yang demikian, jelaslah kepada kita bahkan sudah jelas lagi berapakah bahawa antara cara menghargai sumbangan golongan Sasparawan di negara kita ialah masyarakat hendaklah sentiasa bekerjasama membeli hasil karya mereka.

Tuntasnya, dapatlah dibuat disimpulkan bahawa pelbagai cara dan kaedah boleh dilaksanakan dan diusahakan oleh pelbagai pihak untuk menghargai golongan sasterawan di negara kita. Semoga masyarakat akan sentiasa diidat sentiasa menghargai sumbangan oleh orang lain, lebih-lebih lagi sasterawan di negara kita. Siapakah lagi yang diharapkan untuk menghargai jasa sasterawan ini? Jiles adalah masyarakat itu sendiri. Orang memberi kita merasa, sumbangan sasterawan kita tinggi, agar sastera sentiasa dipertaka. Mudah-mudahan golongan sasterawan ini mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pelbagai pihak. Bagi mengalahkan bicara hayati-lah kata-kata para ini yaitu "Hadup Sasterawan Haduplah Sastera".

Tugasan

Calon dapat menjawab tugasan yang diberikan dengan mengemukakan idea yang bersesuaian dengan soalan iaitu dapat memberikan saranan yang sesuai bagi menunjukkan pihak-pihak tertentu menghargai sumbangan sasterawan di negara kita.

Idea

Calon juga telah mengemukakan idea yang relevan dengan tugasan yang diberikan. Idea berjaya diuraikan dengan jelas disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai. Hal ini dikukuhkan lagi dengan saranan yang dikemukakan oleh calon adalah sangat relevan bagi menunjukkan bahawa melalui pembelian bahan-bahan sastera oleh masyarakat dapat menyokong penuh agar sasterawan terus menghasilkan karya yang lebih bermutu. Contoh yang dikemukakan juga bersesuaian iaitu walaupun harga karya sastera agak mahal tetapi sepatutnya masyarakat harus terus membelinya bagi menunjukkan wujud penghargaan kepada mereka. Sementara pada akhir perenggan isi calon telah membuat penegasan bagi mengukuhkan lagi pandangan yang disampaikan.

Bahasa

Calon dapat menulis dengan bahasa yang gramatis. Pelbagai jenis kata yang tepat digunakan di samping kosa kata luas dan bersesuaian dengan konteks ayat. Antara kosa kata luas lagi menarik yang dikemukakan adalah seperti legasi, menukilkan dan disuntik motivasi. Kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh calon adalah tidak ketara. Gaya bahasa yang digunakan menarik dan bervariasi. Banyak penggunaan ungkapan menarik yang telah dipersembahkan oleh calon dalam karangan yang ditulis. Antara ungkapan menarik yang dikemukakan adalah seperti terbayang dalam kotak minda dan “Hidup Sasterawan Hiduplah Sastera”.

Pengolahan

Pengolahan yang dikemukakan oleh calon adalah menarik dan berkesan. Calon dapat mengolah wacana dengan mengemukakan idea yang tersusun dengan pemerenggan yang sesuai. Perenggan pengenalan diolah dengan isu dan kehendak tugas dengan tepat dengan menyatakan cara-cara untuk menghargai sasterawan di negara kita. Perenggan isi diuraikan dengan idea yang relevan dan jelas. Sementara perenggan penutup calon membuat kesimpulan keseluruhan tugas dengan cara yang menarik dan memberi kesan kepada pembaca.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu mengetahui bahawa setiap soalan mengandungi dua bahagian iaitu stimulus dan tugas soalan. Seterusnya calon perlu membaca setiap soalan, kemudian membuat pilihan soalan yang hendak dijawab, menganalisis kehendak soalan, membina rangka karangan dan akhirnya menulis karangan yang dipilih.
2. Calon mestilah rajin membaca majalah-majalah ilmiah dan akhbar-akhbar harian dan mingguan serta mendengar atau menonton perbincangan-perbincangan ilmiah, debat pusat-pusat pengajian tinggi dan sekolah-sekolah berasrama penuh melalui media elektronik. Hal ini membolehkan calon mengikuti isu-isu semasa dan dapat melahirkan idea-idea yang bernas dan matang.
3. Calon-calon perlu banyak membaca bahan seperti majalah, akhbar dan jurnal untuk menambahkan pengetahuan, memantapkan fikiran, serta mengikuti perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.
4. Calon hendaklah peka terhadap isu-isu semasa agar setiap fakta yang disampaikan tepat dan bukan telahan sahaja.
5. Sesuatu idea perlu dikembangkan merangkumi huraian yang jelas, diperkukuh dengan contoh-contoh yang relevan dan penegasan isi.
6. Calon perlu memantapkan penguasaan tatabahasa, umpamanya latihan membina ayat, penggunaan imbuhan, aplikasi tatabahasa dalam ayat, aplikasi pembentukan perkataan, kata dasar kepada kata terbitan dan sebaliknya.
7. Calon mestilah kerap merujuk kamus dan kamus yang dicadangkan ialah Kamus Dewan untuk menambahkan pengetahuan tentang makna kata.
8. Calon hendaklah selalu membuat latihan menulis karangan dalam pelbagai format agar dapat menguasai semua format karangan dan dapat menyampaikan buah fikiran dengan bahasa yang lancar dan pengolahan yang menarik.
9. Calon hendaklah sentiasa berlatih untuk menguasai pembinaan perenggan deduktif, induktif serta perenggan gabungan kedua-duanya iaitu isi dikembangkan dengan dihuraikan berserta dengan contoh yang sesuai dan penyimpulan.
10. Calon perlu menggunakan kosa kata luas dan tepat serta ayat-ayat yang gramatis dengan pengolahan yang menarik.
11. Penggunaan penanda wacana berkesan untuk menjamin kesinambungan karangan tetapi pemilihannya hendaklah tepat digunakan pada tempat yang sesuai untuk menghasilkan karangan yang benar-benar jitu dan tepat.
12. Jika ingin memasukkan unsur sastera seperti pantun, peribahasa atau perumpamaan pastikan anda benar-benar arif tentang unsur-unsur sastera berkenaan sama ada daripada segi maknanya mahupun penggunaan atau penulisannya. Calon tidak boleh mengubah struktur asal peribahasa tersebut.
13. Pastikan peruntukan masa yang wajar untuk menyemak karangan yang telah dihasilkan semula agar dapat mengurangkan atau mengelakkan sebarang kesalahan dalam aspek bahasa, ejaan dan kesalahan-kesalahan lain yang memungkinkan markah karangan terpaksa dipotong.

SARANAN KEPADA GURU

1. Kursus pemeriksaan kertas Bahasa Melayu SPM perlu didedahkan kepada guru yang baharu agar mereka memahami cara pemeriksaan kertas Bahasa Melayu untuk membantu para pelajar di sekolah masing-masing.
2. Kursus kemahiran tatabahasa perlu didedahkan kepada guru secara lebih kerap agar penguasaan bahasa mereka sentiasa mantap.
3. Guru perlu memantapkan asas penulisan karangan kepada murid pada peringkat menengah rendah lagi agar para pelajar memahami cara merangka karangan, format menulis karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.
4. Guru perlu membincangkan pelbagai isu semasa dengan pelajar semasa pengajaran agar pelajar dapat mengemukakan isi-isi yang matang, pemikiran kritis dan idea yang analitik dalam karangan.
5. Teknik penulisan karangan secara stilistik perlu didedahkan kepada pelajar terutama karangan yang berbentuk cerpen agar mereka dapat menulis karangan jenis ini dengan lebih menarik.
6. Guru perlu mengenal pasti kumpulan pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa supaya dapat mengadakan bengkel kemahiran bahasa kepada pelajar yang terlibat.
7. Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik dan berkesan serta penggunaan media ICT untuk menarik minat pelajar.
8. Bahan pengajaran mestilah dipelbagaikan supaya tidak mengurangkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.
9. Pelajar-pelajar mestilah dilatih mengarang pelbagai bentuk karangan sama ada yang berformat atau tidak berformat.
10. Guru perlu memberikan latihan karangan yang secukupnya kepada pelajar supaya mereka dapat menguasai pelbagai jenis kemahiran penulisan.
11. Guru perlu menggalakkan pelajar menulis karangan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada serta kecenderungan minat pelajar.
12. Latihan kepada pelajar mestilah dirancang secara sistematik agar pelajar menguasai teknik penulisan karangan dengan betul. Oleh sebab itu adalah lebih baik jika guru yang mengajarkan Bahasa Melayu tingkatan empat diberi peluang mengajar pelajar yang sama apabila pelajar itu berada dalam tingkatan lima.
13. Aspek koheren dan kohesi dalam isi karangan perlu diberikan penekanan oleh guru dan dibudayakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
14. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru-guru perlu mengenali potensi setiap pelajar agar pelajar dapat dibimbing berdasarkan potensi mereka untuk mencapai kecemerlangan.
15. Calon perlu dilatih untuk mengetahui kelemahan dan kekuatan sendiri dalam aspek penulisan karangan. Contohnya, calon yang berkemahiran dalam bidang pidato atau syarahan disarankan menjawab soalan yang mempunyai kaitan dengan kebolehannya.
16. Guru perlu membaca pelbagai bahan bagi maksud penataran, mengemaskinkan pengetahuan, fakta dan maklumat sesuai dengan perkembangan semasa.
17. Guru perlu menguasai kemahiran ICT sesuai dengan keperluan masa ini untuk menghasilkan pangkalan data dan maklumat berkaitan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu. Penggunaan portal, 'VLE frog' dan laman sesawang Bahasa Melayu yang sesuai boleh menarik minat pelajar untuk melayarinya.
18. Guru perlu mempunyai kemahiran membaca pantas, rajin membuat rujukan dan banyak membaca melalui pelbagai sumber sama ada melalui media ICT, media cetak atau elektronik agar pemikiran mereka semakin luas.
19. Guru perlu sentiasa merujuk naskhah Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan untuk memantapkan penguasaan bahasa Melayu. Sebagai contoh, pada masa ini dengan kemajuan teknologi ICT, guru boleh menggunakan kamus elektronik bersaiz telapak tangan keluaran Besta serta Eleksis dan telefon pintar yang mudah

dibawa dan digunakan di mana-mana sahaja. Guru mestilah mengetahui dan menguasai skema pemarkahan peperiksaan merangkumi aspek takrif, isi bahasa dan pengolahan agar pengajaran guru lebih berfokus.

20. Guru cemerlang Bahasa Melayu hendaklah sentiasa membantu dan berkongsi kepakaran dengan guru-guru lain pada peringkat zon atau daerah bagi meningkatkan mutu penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru serta pelajar.